

# PKS dalam pertumbuhan ekonomi

Sinar Harian 10/12/2018 M/S 03



SEKOLAH  
NIAGA  
BERSAMA  
PENULIS: NUR  
SHAZLIN MOHD  
SHAFUL BHARI,  
FAKULTI  
EKONOMI DAN  
MUAMALAT,  
USIM, NILAI.

**S**eperti yang kita tahu,

pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah dikenalpasti

sebagai pemacu produktiviti pertumbuhan ekonomi inklusif di Malaysia dan di seluruh dunia.

Sejajar dengan prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2017, PKS di Malaysia

mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 7.2 peratus manakala sebanyak 5.2 peratus pada tahun 2016. PKS juga dianggap penyumbang penting kepada ekonomi sebagai usaha untuk mengurangkan pengangguran.

Dalam Bajet 2019 yang dibentangkan pada 2 November lalu telah menumpukan kepada usaha pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. RMK-11 memberi tumpuan kepada pembangunan PKS yang berdaya tahan dan mampan untuk mencapai pertumbuhan inklusif dan seimbang.

Sumbangan PKS dalam semua sektor dijangka meningkat kepada 41 peratus daripada KDNK pada tahun 2020 dengan



MOHD REDZUAN

kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 9.3 peratus.

## REBUT PELUANG EMAS

Justeru itu, rakyat Malaysia juga harus merebut peluang emas ini bersama-sama meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Seperti yang telah dikatakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof:

"kementeriannya komited untuk memperkasakan dan menambah baik keusahawanan, sekali gus

meningkatkan keupayaan PKS ke tahap lebih tinggi".

Bagi memantapkan lagi usaha (PKS) ini, kerajaan bukan sahaja membantu menambah baik keusahawanan tetapi lebih menggalakkan rakyat untuk mempunyai perniagaan sendiri dan membantu usahawan mengembangkan lagi perniagaan yang mereka ceburi.

Dalam pembentangan RMK-11 juga dinyatakan bahawa bantuan akan diberi termasuk menyediakan premis perniagaan untuk usahawan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di luar bandar.

Sebenarnya banyak usaha kerajaan dalam membantu meningkatkan produktiviti kepada bakal usahawan di mana kerajaan juga telah membuka minda rakyat yang tidak



Pembangunan PKS telah dikenalpasti sebagai pemacu produktiviti pertumbuhan ekonomi inklusif di Malaysia.

mempunyai pekerjaan untuk menjana pendapatan dalam bidang yang diminati.

## PACU PEMBANGUNAN PKS

Sejurus itu, ini juga adalah usaha Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) untuk memacu pembangunan PKS dalam meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Aktiviti ekonomi setempat di luar bandar akan ditingkatkan untuk menjana pendapatan dan mewujudkan peluang

Oleh yang demikian, rakyat Malaysia tidak perlu lagi berasa bimbang dek kekurangan pekerjaan kerana kerajaan telah pun mengambil pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat sejurus untuk pembangunan negara.

Merujuk kepada statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kita dapat lihat bahawa prestasi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada 2017 telah menunjukkan perkembangan baik terhadap ekonomi dimana KDNK PKS



Kerajaan berhasrat untuk melahirkan lebih banyak PKS termasuk daripada golongan B40. (Foto: Sumber internet)

pekerjaan serta perniagaan. Aktiviti ekonomi luar bandar yang mampan seperti industri asas tani, ekopelancongan dan agropelancongan juga akan digalakkan.

Seperti yang telah dinyatakan oleh Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof: "PKS dan bakal usahawan boleh dapatkan khidmat nasihat daripada pelbagai agensi di bawah MED termasuk SME Corp, SME Bank, PUNB, TEKUN Nasional, Bank Rakyat, Inskén, Uda Holdings, Maktab Koperasi Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia".

Pihak kerajaan bukan sahaja membuka peluang dalam keusahawan tetapi kerajaan juga telah memberi banyak kemudahan kepada bakal-bakal usahawan kearah lebih produktif menjelang wawasan 2020.

### **MAHU LAHIRKAN LEBIH RAMAI PKS**

Mengulas lanjut, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof berkata: "Kerajaan berhasrat untuk melahirkan lebih banyak PKS termasuk daripada golongan B40 untuk menjadi pembekal komponen, pengilang atau penyedia perkhidmatan dengan kerjasama svarikat peneraju".

Malaysia merekodkan pertumbuhan kukuh 7.2 peratus mengatasi KDNK Malaysia yang mencatatkan 5.9 peratus pada 2017.

Di samping itu, sumbangan KDNK PKS meningkat kepada 37.1 peratus berbanding 36.6 peratus pada 2016. Maka jelas menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan PKS dalam membangunkan ekonomi negara adalah sangat penting dan pertumbuhan PKS yang lebih tinggi juga dicerminkan dalam semua sektor ekonomi utama.

Pertumbuhan negara lebih tinggi dipacu terutamanya oleh permintaan dalam negeri dan terus disokong oleh prestasi cemerlang eksport kasar. Maka, rakyat haruslah mengambil peluang daripada pelbagai program pembangunan yang ditawarkan kerajaan menerusi kementerian dan agensi yang terbabit. Pada masa kini perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Oleh itu, pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan hendaklah disokong oleh rakyat Malaysia demi pembangunan ekonomi negara.